

25 OCT 1999

Hadi-Manifesto

PAS TERUSKAN HASRAT TUBUH NEGARA ISLAM, KATA HADI

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Timbalan Presiden Pas, Abdul Hadi Awang berkata Pas akan meneruskan hasratnya untuk menubuhkan negara Islam walaupun manifesto Barisan Alternatif yang dianggotai parti itu tidak menyebut perkara berkenaan.

Beliau berkata Pas tidak akan melupakan perkara itu kerana hasrat untuk menubuhkan negara Islam termaktub dalam perlembagaan parti yang tidak boleh diubah dengan senang melainkan menerusi muktamar.

"Sebelum pilihan raya kita bersefahaman (dahulu), nak tubuh negara Islam itu masih ada lagi, itu ada dalam perlembagaan Pas, nak ubah perlembagaan berhajatkan satu muktamar," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen hari ini.

Menurutnya, hasrat Pas untuk menubuhkan negara Islam juga bergantung kepada keputusan pilihan raya akan datang, sama ada parti itu mendapat kerusi majoriti dalam Dewan Rakyat atau sebaliknya.

"Kerajaan (negara Islam) itu nanti kita menang dululah, tengok kerusilah dulu, (sekarang) terlalu awal, kita tunggulah nanti keputusan pilihan raya," katanya.

Abdul Hadi yang juga anggota Parlimen Marang berkata dalam menghadapi pilihan raya umum nanti, Pas Terengganu akan mempunyai manifesto berasingan yang menyatakan secara jelas hasrat parti itu untuk menubuhkan kerajaan negeri Islam di Terengganu.

Manifesto itu akan dilancarkan selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pembubaran Parlimen, katanya.

Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein dalam persidangan berita di lobi Parlimen berkata Pemuda Umno menyifatkan manifesto Barisan Alternatif sebagai agak aneh kerana ia tidak menggambarkan dasar perjuangan sebenar parti-parti yang menganggotai barisan itu.

"Saya nak tanya kenapa kandungan manifesto itu tidak mengandungi hasrat Pas untuk menubuhkan negara Islam dan desakan DAP untuk mewujudkan Malaysian Malaysia," katanya.

Beliau berkata kesanggupan parti-parti gabungan untuk melupakan dasar perjuangan masing-masing jelas menunjukkan bahawa pendirian mereka tidak konsisten.

Ini membuktikan bahawa persefahaman yang dicapai di antara parti-parti pembangkang itu adalah semata-mata untuk meraih sokongan pengundi pada pilihan raya akan datang, katanya.

Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan Datuk Ruhanie Ahmad berkata beliau berharap rakyat tidak akan terpengaruh dengan manifesto itu yang beliau anggap sebagai longgar, sementara, bermusim dan dibuat dalam keadaan terburu-buru.

"Matlamat Pas seperti yang digembar-gemburkan ialah untuk mewujudkan kerajaan Islam tetapi dalam manifesto, objektif itu tidak langsung disebut," katanya.

Katanya, pertanyaan yang harus ditanya ialah adakah dengan manifesto itu bermakna PAS sanggup mengetepikan objektif mereka semata-mata kerana mahu berganding bahu dengan parti asing yang bukan Islam.

"Di manakah maruah PAS dan prinsip perjuangan mereka," katanya.

Beliau juga berkata penggunaan simbol pada pilihan raya umum nanti yang belum ditentukan lagi oleh Barisan Alternatif itu juga jelas menunjukkan mereka tidak sepakat.

"BN ada 14 parti di dalamnya tetapi menggunakan satu lambang tetapi Barisan Alternatif yang ada empat parti tak boleh buat keputusan untuk gunakan simbol apa.

"Ini jelas membuktikan kewujudan Barisan Alternatif itu hanya sementara dan niatnya untuk tumbangkan BN sahaja," katanya.

-- BERNAMA

NZ NMO